



PROSEDUR MENGEMUKAKAN RAYUAN GERAN KHAS PRIHATIN (GKP) 2.0

1. Pemohon boleh menyemak status permohonan GKP 2.0 menerusi portal GKP, <https://gkp.hasil.gov.my>.
2. Jika semakan mendapati permohonan GKP 2.0 adalah berstatus Tidak Lulus, semak alasan dan klik butang Permohonan Rayuan.
3. Rayuan GKP 2.0 adalah secara dalam talian sahaja dan tiada penerimaan borang rayuan secara manual di kaunter Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).
4. Pemohon perlu memuat naik dokumen sokongan seperti berikut:

KOD ALASAN	ALASAN TIDAK LULUS	DOKUMEN
01	Tidak beroperasi tahun 2020	<ul style="list-style-type: none">• Penyata kewangan perniagaan bagi tahun 2019 atau;• Penyata Bank Perniagaan / Peribadi pemohon yang terkini
02 / 03	Jualan adalah 0 atau melebihi RM 300,000	
04	Tidak wujud di agensi	<ul style="list-style-type: none">• Sijil Pendaftaran Perniagaan yang aktif sehingga 31/8/2020
05 / 06	Pekerja melebihi 4 orang	<ul style="list-style-type: none">• Borang Pendaftaran Pekerja PERKESO / Borang 8A PERKESO / Borang A KWSP atau;• Dokumen pengesahan yang berkaitan
07	Entiti perniagaan lebih 1	<ul style="list-style-type: none">• Sijil Pendaftaran Perniagaan yang aktif sehingga 31/8/2020

Nota: Setiap permohonan rayuan hanya dibenarkan memuat naik 3 lampiran dokumen sokongan yang bersaiz maksimum 2MB bagi setiap dokumen. Format dokumen yang dibenarkan adalah JPEG, JPG, PDF dan PNG sahaja.

5. Pemohon tidak perlu mengisi semula permohonan rayuan. Hanya perlu memuat naik dokumen sokongan seperti perkara 4 dan membuat Akuan Pengesahan sahaja.
6. Tempoh Rayuan GKP adalah mulai 7 Disember 2020 sehingga 21 Disember 2020 (tertakluk kepada pindaan).

Kemas kini pada 15 Disember 2020